

Manual Rayuan *Appeal Manual*

Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari
Monetary Penalty Review Committee

May 2018

ISI KANDUNGAN

CONTENTS

- I. **Pengenalan**
Introduction
- II. **Jawatankuasa Semakan Penalti Kewangan**
Monetary Penalty Review Committee
- III. **Pemfailan rayuan terhadap keputusan Bank Negara Malaysia**
Filing of appeal against Bank Negara Malaysia's decision
- IV. **Pertimbangan rayuan oleh Jawatankuasa Semakan Penalti Kewangan**
Consideration of appeal by Monetary Penalty Review Committee
- V. **Dapatan oleh Jawatankuasa Semakan Penalti Kewangan & komunikasi keputusan rayuan kepada pihak yang terkilan**
Findings by the Monetary Penalty Review Committee & communication of outcome of appeal to the aggrieved party
- VI. **Lampiran I: Notis rayuan**
Appendix I: Notice of appeal
- VII. **Lampiran II: Prosedur rayuan**
Appendix II: Appeal procedure

I. PENGENALAN

1. Manual ini diterbitkan sebagai panduan kepada mana-mana pihak yang terkilan dengan keputusan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mengenakan suatu penalti monetari atau remedi kewangan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK), Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP) dalam membuat rayuan terhadap keputusan tersebut kepada Jawatankuasa Semakan Penalti Kewangan (Jawatankuasa).
2. Manual ini diterbitkan menurut seksyen 238(3) APK dan 249(3) APKI yang memberi kuasa kepada Jawatankuasa untuk menentukan tatacaranya sendiri.

I. INTRODUCTION

1. *This manual is published as a guide to any party aggrieved by the decision of Bank Negara Malaysia (BNM) to impose a monetary penalty or pecuniary remedy under the Financial Services Act 2013 (FSA), the Islamic Financial Services Act 2013 (IFSA) and the Development Financial Institutions Act 2002 (DFIA) in appealing against such decision to the Monetary Penalty Review Committee (Committee).*
2. *This manual is published pursuant to sections 238(3) of the FSA and 249(3) of the IFSA which authorise the Committee to determine its own procedure.*

II. JAWATANKUASA SEMAKAN PENALTI KEWANGAN

3. Jawatankuasa ini telah ditubuhkan di bawah seksyen 238 APK dan 249 APKI bagi tujuan menyediakan suatu mekanisma bebas, cekap dan kos efektif kepada pihak yang terkilan yang ingin mengemukakan rayuan terhadap keputusan BNM untuk mengenakan penalti monetari atau remedi kewangan di bawah seksyen 234(3)(b) atau 234(3)(e) APK, seksyen 245(3)(b) atau 245(3)(e) APKI dan seksyen 106A(3)(b) atau 106A(3)(e) AIKP mengikut mana yang berkenaan.
4. Jawatankuasa hanya akan menimbangkan rayuan terhadap penalti monetari atau remedi kewangan yang telah dikenakan oleh BNM.
5. Sekiranya suatu pihak terkilan ingin merayu terhadap keputusan BNM, rayuan tersebut hendaklah dikemukakan dalam tempoh 21 hari selepas pihak yang terkilan

itu telah dimaklumkan mengenai keputusan BNM untuk mengenakan penalti monetari atau remedi kewangan.

6. Pihak terkilan merujuk kepada suatu pihak yang telah diberikan suatu notis bertulis oleh BNM di bawah seksyen 262(5) APK, 273(5) APKI atau 123B(5) AIKP mengenai keputusan BNM untuk mengenakan penalti monetari atau remedi kewangan.

Ilustrasi 1: Rayuan bukan berkenaan dengan penalti monetari atau remedi kewangan

BNM telah membuat suatu perintah secara bertulis di bawah seksyen 234(3)(a) APK, 245(3)(a) APKI atau 106A(3)(a) AIKP menghendaki orang yang mungkir untuk mematuhi suatu peruntukan di bawah APK, APKI atau AIKP. Rayuan terhadap perintah sedemikian tidak termasuk dalam bidang kuasa Jawatankuasa dan tidak akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa.

Ilustrasi 2: Rayuan berkenaan penalti monetari atau remedi kewangan

BNM mengenakan penalti monetari ke atas suatu institusi kewangan dan membuat suatu perintah bertulis mengkehendaki institusi kewangan tersebut membuat restitusi kepada pelanggannya kerana memungkiri suatu peruntukan di bawah APK, APKI atau AIKP. Institusi kewangan berkenaan mengemukakan rayuan terhadap penalti monetari dan remedi kewangan yang dikenakan. Rayuan ini termasuk dalam bidang kuasa Jawatankuasa dan akan ditimbang oleh Jawatankuasa.

II. MONETARY PENALTY REVIEW COMMITTEE

3. *The Committee was established under sections 238 of the FSA and 249 of the IFSA to provide an independent, efficient and cost effective mechanism to a party who is aggrieved by BNM's decision to impose monetary penalty or pecuniary remedy under sections 234(3)(b) or 234(3)(e) of the FSA, sections 245(3)(b) or 245(3)(e) of the IFSA and sections 106A(3)(b) or 106A(3)(e) of the DFIA, as the case may be.*
4. *The Committee will only consider appeals against the monetary penalty or pecuniary remedy imposed by BNM.*
5. *If an aggrieved party wishes to appeal against BNM's decision, the appeal must be submitted within 21 days after the aggrieved party has been notified of BNM's decision.*

6. *An aggrieved party refers to a party to whom BNM has served a written notice on BNM's decision to impose any monetary penalty or pecuniary remedy under section 262(5) of the FSA, 273(5) of the IFSA or 123B(5) of the DFIA.*

Illustration 1: Appeal is not related to monetary penalty or pecuniary remedy

BNM has made an order in writing under section 234(3)(a) of the FSA, 245(3)(a) of the IFSA or 106A(3)(a) of the DFIA requiring the person in breach to comply with a provision in the FSA or IFSA. Appeal against such order does not fall within the purview of the Committee and the Committee will not consider the appeal.

Illustration 2: Appeal on monetary penalty or pecuniary remedy

BNM has imposed a monetary penalty on a financial institution and made a written order requiring the financial institution to make restitution to its customer for breach of a provision of the FSA, IFSA or DFIA. The financial institution appealed against the monetary penalty and pecuniary remedy imposed. This appeal falls within the purview of the Committee and will be considered by the Committee.

III. PEMFAILAN RAYUAN TERHADAP KEPUTUSAN BNM

7. Pihak yang terkilan boleh menghubungi Sekretariat untuk sebarang persoalan awal atau mendapatkan keterangan lanjut berhubung pemfailan notis rayuan kepada Jawatankuasa.
8. Notis rayuan kepada Jawatankuasa hendaklah difailkan dengan menggunakan borang seperti di Lampiran I. Pihak yang terkilan hendaklah memastikan bahawa notis rayuan difailkan bersama-sama dengan semua dokumen yang berkaitan bagi memudahkan Jawatankuasa dalam membincangkan rayuan dan membuat keputusan.
9. Borang berkenaan boleh dimuat turun dari laman web BNM di http://www.bnm.gov.my/documents/2016/Notice_of_Appeal_Form_v5.doc. Pihak yang terkilan juga boleh menghubungi Sekretariat untuk mendapatkan sesalinan borang.
10. Borang yang telah dilengkapkan dan dokumen-dokumen sokongan yang relevan hendaklah dihantar kepada Jawatankuasa. Pemfailan notis rayuan dan dokumen-

dokumen yang berkaitan boleh dibuat melalui pengemukaan salinan cetak atau salinan lembut (sekiranya salinan lembut, dokumen-dokumen berkenaan hendaklah dilindungi dengan kata laluan dan kata laluan tersebut mestilah di e-mel secara berasingan kepada Sekretariat).

III. FILING OF APPEAL AGAINST BNM'S DECISION

7. *An aggrieved party may contact the Secretariat for any initial questions or to obtain more information regarding the filing of a notice of appeal to the Committee.*
8. *A notice of appeal to the Committee must be filed using the form provided in the Appendix I. The aggrieved person must ensure that the notice of appeal is filed together with all relevant documents so as to facilitate the Committee in deliberating on the appeal and reaching its findings.*
9. *The form can be downloaded from BNM's website at http://www.bnm.gov.my/documents/2016/Notice_of_Appeal_Form_v5.doc. The aggrieved party may also contact the Secretariat to obtain a copy of the form.*
10. *The completed form and relevant supporting documents must be submitted to the Secretariat. Filing of the notice of appeal and the relevant documents can be made by way of submission of hard copy or soft copy (in the case of soft copy to be password protected and such password should be emailed to the Secretariat separately).*

**Sekretariat
Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 03-26040241
Faksimili: 03-26912990
Emel: mprc@bnm.gov.my**

IV. PERTIMBANGAN RAYUAN OLEH JAWATANKUASA

11. Jawatankuasa akan terlebih dahulu menentukan sama ada rayuan yang dikemukakan oleh pihak yang terkilan:
 - (a) termasuk dalam skop semakan Jawatankuasa; dan
 - (b) rayuan difailkan dalam masa yang ditetapkan di bawah APK, APKI atau AIKP iaitu rayuan difailkan dalam masa 21 hari selepas pihak yang terkilan itu telah dimaklumkan mengenai keputusan BNM.

Mana-mana rayuan yang difailkan lewat daripada 21 hari selepas pihak yang terkilan itu telah dimaklumkan mengenai keputusan BNM tidak boleh dipertimbangkan oleh Jawatankuasa.
12. Jawatankuasa boleh memohon:
 - (a) mana-mana pegawai BNM;
 - (b) pihak yang terkilan termasuk pengarah, pegawai, pekerja dsb. di mana pihak yang terkilan merupakan suatu pertubuhan perbadanan atau yang tidak diperbadankan; atau
 - (c) mana-mana orang lain termasuk seorang pakar, untuk mengemukakan apa-apa dokumen, maklumat, penjelasan atau pendapat pakar, mengikut mana yang berkenaan, yang berkaitan dengan rayuan yang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa.
13. Seseorang peguambela dan peguamcara tidak dibenarkan mewakili pihak yang terkilan atau BNM dalam mana-mana prosiding Jawatankuasa.

IV. CONSIDERATION OF APPEAL BY THE COMMITTEE

11. *The Committee will first determine whether an appeal filed by the aggrieved party:*
 - (a) *falls within the Committee's scope of review; and*
 - (b) *is within the prescribed time stipulated under the FSA, IFSA and DFIA i.e. the appeal is filed within 21 days after the aggrieved person has been notified of BNM's decision.*

Any appeal filed later than 21 days after the aggrieved person has been notified of BNM's decision will not be considered by the Committee.

12. *The Committee may call upon:*
 - (a) *any officer of BNM;*
 - (b) *the aggrieved party including its director, officer, employee etc. where the aggrieved party is a body corporate or unincorporate; or*
 - (c) *any other person including an expert,**to provide any document, information, explanation or expert opinion, as the case may be, that is relevant to the appeal that is being considered by the Committee.*

13. *An advocate and solicitor is not allowed to represent the aggrieved party or BNM in any proceeding before the Committee.*

V. DAPATAN OLEH JAWATANKUASA & KOMUNIKASI KEPUTUSAN RAYUAN KEPADA PIHAK YANG TERKILAN

14. *Selepas mempertimbangkan sesuatu rayuan, Jawatankuasa boleh memutuskan untuk:*
 - (a) *mengesahkan keputusan BNM; atau*
 - (b) *menghendaki BNM untuk mempertimbangkan semula dan mencapai suatu keputusan mengikut dapatan Jawatankuasa.*

15. *Jawatankuasa akan memaklumkan secara bertulis dapatan Jawatankuasa dan keputusan rayuan kepada pihak yang terkilan seberapa segera.*

16. *Ilustrasi mengenai prosedur dalam menimbang sesuatu rayuan yang dikemukakan kepada Jawatankuasa dinyatakan dalam Lampiran II.*

V. FINDINGS BY THE COMMITTEE & COMMUNICATION OF OUTCOME OF APPEAL TO THE AGGRIEVED PARTY

14. *After considering an appeal, the Committee may:*
 - (a) *confirm BNM's decision; or*
 - (b) *require BNM to reconsider and reach a decision in accordance with the findings of the Committee.*

15. *The Committee will notify in writing the findings of the Committee and the outcome of the appeal to the aggrieved party as soon as possible.*

16. *Illustration of the procedure in considering an appeal submitted to the Committee is set out in Appendix II.*

**NOTIS RAYUAN OLEH PIHAK YANG TERKILAN KEPADA
JAWATANKUASA SEMAKAN PENALTI MONETARI**

*(Seksyen 237(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Seksyen 248(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 &
Seksyen 106D(1) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002)*

**NOTICE OF APPEAL BY AGGRIEVED PARTY TO
MONETARY PENALTY REVIEW COMMITTEE**

*(Section 237(1) Financial Services Act 2013, Section 248(1) Islamic Financial Services Act 2013 &
Section 106D(1) Development Financial Institutions Act 2002)*

**A. Prosedur Membuat Rayuan
*Procedure on Making an Appeal***

1. Notis Rayuan ini mestilah diisi dengan lengkap.
This Notice of Appeal must be completed in full.
2. Notis Rayuan ini hendaklah ditandatangani oleh pihak yang terkilan itu sendiri. Bagi suatu organisasi, Notis Rayuan ini hendaklah ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa.
This Notice of Appeal shall be signed by the aggrieved party personally. For an institution, this Notice of Appeal shall be signed by an authorised person.
3. Sila hantar Notis Rayuan yang lengkap dan dokumen sokongan ke alamat yang berikut:
Please submit the completed Notice of Appeal and supporting documents to the following address:

**Sekretariat
Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 03-26040241
Faksimili: 03-26912990
Emel: mprc@bnm.gov.my**

**B. Maklumat Pihak yang Terkilan
*Details of the Aggrieved Party***

1. Nama (individu atau organisasi) <i>Name (individual or organization)</i>	
2. Pegawai untuk dihubungi dan jawatan (untuk organisasi) <i>Contact person and designation (for organizations)</i>	
3. Alamat surat-menyurat <i>Correspondence address</i>	
4. Emel <i>Email</i>	
5. Telefon <i>Telephone</i>	
6. Faksimili <i>Facsimile</i>	

C. Maklumat Penalti Monetari atau Remedi Kewangan yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia
Information on Monetary Penalty or Pecuniary Remedy imposed by Bank Negara Malaysia

7. Tarikh pemberitahuan keputusan oleh Bank Negara Malaysia
Date of notification of decision by Bank Negara Malaysia

8. Peruntukan yang dimungkir
Provision breached

9. Amaun Penalti Monetari atau Remedi Kewangan
Amount of Monetary Penalty or Pecuniary Remedy

RM _____

D. Alasan Rayuan
Grounds of Appeal

E. Dokumen
Documents

10. Sila lampirkan dokumen yang berikut
Please attach the following documents:

- Notis keputusan Bank Negara Malaysia
Notice of decision by Bank Negara Malaysia
- Dokumen sokongan lain (sila senaraikan):
Other supporting documents (please list):

F. Tandatangan Pihak yang Terkilan
Signature of Aggrieved Party

Tandatangan pihak yang terkilan (bagi organisasi, ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa)
Signature of the aggrieved party (for an organization, to be signed by the authorised person):

.....
Tarikh:
Date:

PROSEDUR RAYUAN / APPEAL PROCEDURE

